



ANUGERAH SERASI

SEKOLAH RAKAN ALAM SEKITAR

PERTANDINGAN MEREKA CIPTA LOGO SERASI

Jawatankuasa Penganjur Anugerah Sekolah Rakan Alam Sekitar (SERASI) mempelawa semua penduduk Sarawak dan warganegara Malaysia yang menetap di Sarawak berumur 13 tahun dan ke atas untuk menyertai Pertandingan Mereka Cipta Logo Anugerah SERASI.

LATAR BELAKANG ANUGERAH SERASI



Sekolah merupakan tempat yang paling sesuai untuk membentuk generasi masa hadapan yang menghargai alam sekitar. Keperibadian dan persepsi pelajar terhadap alam sekitar dapat dibentuk atau dicorakkan dengan lebih mudah dan berkesan di sekolah kerana pendekatan yang digunakan adalah secara holistik, iaitu melalui kurikulum dan kokurikulum.

Anugerah Sekolah Rakan Alam Sekitar (SERASI) adalah pendekatan menyeluruh yang membabitkan individu di pelbagai peringkat di sekolah, masyarakat setempat, agensi kerajaan, sektor swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Ianya memberi penekanan terhadap aspek pemeliharaan dan

pemuliharaan alam sekitar di peringkat sekolah untuk jangka masa panjang melalui amalan mesra alam di sepanjang masa. Ia memberi sokongan dan memperkukuhkan program pendidikan alam sekitar merentas kurikulum di sekolah.

SERASI memberi penekanan dalam bidang pengurusan, kokurikulum, penghijauan sekolah, dan kebersihan serta keindahan persekitaran sekolah. Dengan itu, ia akan mewujudkan sekolah mesra alam sekitar yang kondusif sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran, dan seterusnya mampu mempengaruhi komuniti sekolah serta masyarakat luar demi memastikan pembangunan mapan di Sarawak.

Objektif Anugerah SERASI adalah untuk:

- Mengiktiraf dan menghargai usaha berterusan yang dilaksanakan oleh pihak sekolah dalam pendidikan dan penjagaan alam sekitar;

- Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar di peringkat sekolah;
- Memupuk sikap positif dan nilai cintakan alam sekitar di kalangan pelajar dan masyarakat setempat;
- Membentuk dan membangunkan persekitaran persekolahan yang memberi penekanan kepada penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar; dan
- Mewujudkan kerjasama antara agensi kerajaan, masyarakat, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta dalam usaha penjagaan alam sekitar.



SYARAT & PERATURAN PERTANDINGAN MEREKA CIPTA LOGO SERASI

1. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada Anak Sarawak dan Warganegara Malaysia yang menetap di Sarawak berumur 13 tahun dan ke atas.
2. Tempoh penyertaan pertandingan adalah selama dua (2) bulan, dari 15 November 2015 hingga 15 Januari 2016 sebelum jam 12:00 tengahari.
3. Setiap logo hendaklah menerangkan maksud dan menepati ciri-ciri “ANUGERAH SEKOLAH RAKAN ALAM SEKITAR”.
4. Spesifikasi mereka cipta logo:
 - a. Rekabentuk logo bolehlah dicipta samada dengan lukisan tangan atau grafik komputer
 - b. Rekabentuk logo mestilah dihantar seperti berikut:
 - i. Dalam saiz A4 (ukuran 21cm X 29.7 cm) dan dilekatkan pada kertas tebal atau “mounting board”; dan
 - ii. Dalam bentuk “softcopy” menggunakan format AI (adobe illustration) dan JPEG resolusi minima 1280 X 960.
 - c. Warna yang digunakan pada setiap rekabentuk logo tidak boleh melebihi empat (4) warna.
 - d. Rekabentuk logo yang dicipta hendaklah:
 - i. Mempunyai penjelasan atau maksud rasional.
 - ii. Asli.
 - iii. Tidak mengandungi unsur atau elamen yang boleh dianggap sensitif serta boleh menyinggung mana-mana pihak.
5. Syarat-syarat penyertaan:
 - a. Setiap peserta hanya boleh menghantar dua (2) penyertaan sahaja.
 - b. Setiap penyertaan hendaklah dihantar ke alamat di bawah sebelum **jam 12:00 tengahari** pada **15 Januari 2016**

Jawatankuasa Pertandingan Mereka Cipta Logo SERASI
Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak
18th-20th Floor, Menara Pelita,
Jalan Tun Abdul Rahman Yakub,
Petra Jaya, 93050 Kuching.
Tel: 082-319500/447488 Fax: 082-312800

- c. Borang penyertaan boleh didapati di alamat di atas atau dimuat turun dari laman web Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak <http://www.nreb.gov.my> atau hubungi Puan Nur Aida Nur Azman di talian 082-444219
 - d. Segala kos untuk menyertai pertandingan ini adalah atas tanggungan peserta sendiri.
6. Hadiah pertandingan:
 - a. Pemenang akan menerima hadiah yang bernilai RM 1000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja) beserta Sijil Penghargaan.
7. Metodologi penilaian:
 - a. Panel penilai pertandingan mereka cipta logo SERASI akan menilai semua penyertaan yang mematuhi peraturan yang ditetapkan. Panel penilai berhak membatalkan penyertaan sekiranya tidak mematuhi syarat-syarat.
 - b. Panel penilai akan menilai reka bentuk logo berdasarkan kriteria:
 - i. Keaslian
 - ii. Pemilihan warna
 - iii. Penerangan mengenai logo
 - iv. Kesesuaian dengan konsep SERASI
 - v. Kreativiti dari segi reka bentuk, kemas dan mudah difahami
 - c. Keputusan panel penilai adalah muktamad dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.
8. Hak cipta
 - a. Semua logo yang diterima oleh Urusetia Pertandingan Mereka Cipta Logo SERASI akan menjadi hak milik penganjur dan tidak akan dikembalikan. Penganjur berhak ke atas logo yang terpilih samada untuk dipinda atau diubahsuai ataupun bagi maksud untuk digunakan atau dipamerkan ataupun dicetak dalam mana-mana acara atau sambutan.
 - b. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga. Penyertaan akan terbatal sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli atau ciplak.
 - c. Semua logo yang diterima oleh Jawatankuasa Pertandingan Mereka Cipta Logo SERASI tidak akan dikembalikan.



PERTANDINGAN MEREKA CIPTA LOGO SERASI
BORANG PENYERTAAN RASMI

***NAMA PENUH (SEPERTI DALAM
KAD PENGENALAN)*** :

:

TARIKH LAHIR :

:

NO KAD PENGENALAN :

:

ALAMAT KEDIAMAN :

:

:

NOMBOR UNTUK DIHUBUNGI :

:

ALAMAT E-MAIL :

:

PENJELASAN LOGO :

:

(Sila guna kertas berasingan sekiranya tidak mencukupi)

PERAKUAN PESERTA

DENGAN INI, SAYA MENGAKU BAHAWA PENYERTAAN INI ADALAH HASIL KARYA ASLI SAYA. SAYA JUGA BERSETUJU DENGAN SYARAT-SYARAT PENYERTAAN PERTANDINGAN INI.

TANDATANGAN PESERTA

TARIKH

COP RASMI SEKOLAH
